


Buku **The Silent Spring** telah ditulis oleh **Rachel Carson** yang diterbitkan oleh **Penguin Random House United Kingdom** pada 27 September 1962. Buku yang bertema sains alam sekitar ini mengandungi 336 muka surat. Buku ini mengandungi 17 bab yang berkisarkan kesedaran untuk orang awam tentang kemusnahan hidupan liar yang disebabkan oleh penggunaan racun perosak Dichlorodiphenyltrichloroethane atau dikenali sebagai DDT secara berleluasa. Senarai 17 bab tersebut ialah :

1. Dongeng Untuk Hari Esok
2. Keperluan Untuk Bertahan

- 
3. Penawar Kematian
 4. Permukaan Air Dan Lautan
 5. Persekitaran Tanah
 6. Kehijauan Bumi Yang Terselubung
 7. Ketidakperluan Kemusnahan
 8. Ketiadaan Kicauan Burung
 9. Sungai Kematian
 10. Dengan Sembarangan Dari Langit
 11. Melampaui Impian Borgia
 12. Harga Diri Manusia
 13. Di Sebalik Tingkap Yang Sempit
 14. Satu Dalam Setiap Empat
 15. Alam Melawan
 16. Kegemuruhan Runtuhan Tanah
 17. Jalan Yang Lain

Dalam buku *Silent Spring*, penghujahan utama yang ditekankan oleh penulis adalah bahawa racun perosak mengakibatkan pelbagai kesan buruk berbanding dengan manfaatnya kerana ia dapat menjejaskan alam sekitar. Penulis menghuraikan ketoksikan racun perosak yang berupaya mengubah secara radikal ekosistem semula jadi sehingga dapat membunuh haiwan. Buku ini menerangkan bagaimana racun perosak DDT memasuki rantai makanan dan terkumpul dalam tisu lemak haiwan dan manusia yang boleh menyebabkan kanser dan perubahan genetik DNA. Penulis kemudiannya menyatakan bahawa semburan DDT pada tanaman boleh membunuh

serangga selama berminggu atau berbulan namun racun bertoksik tersebut mampu kekal lama dalam alam sekitar walaupun setelah dicairkan oleh air hujan. Penulis menyimpulkan bahawa DDT dan racun perosak lain telah memberi kesan buruk kepada haiwan dan mencemarkan bekalan makanan dunia seperti sayur-sayuran atau buah-buahan. Masalah ini mengakibatkan penulis mendakwa industri kimia yang menyebarkan maklumat yang salah secara sengaja berkaitan dengan penggunaan DDT demi mengelakkan kerugian pada industri pengeluar DDT.

Penulis turut menyatakan bahawa walaupun DDT dan racun perosak yang lain tidak menunjukkan kesan sampingan yang ketara terhadap alam sekitar, penggunaan secara berlebihan merupakan tindakan yang tidak produktif kerana hal ini dapat meningkatkan ketahanan serangga terhadap racun perosak lalu menjadikannya tidak berguna dalam membasmi populasi serangga sasaran. Pada akhir buku, penulis menyebut beberapa cara selamat dan semula jadi yang boleh menggantikan racun perosak yang mana kaedah ini dapat membantu dan meningkatkan mutu pertanian pada masa yang akan datang. Penulis juga menerima nasihat oleh Pengarah Perkhidmatan Perlindungan Tumbuhan Holland untuk menyembur racun perosak pada kuantiti yang sedikit sahaja bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Siti Nur Syahirah Atikah binti Mohd Anifpa (nsyahirah21@yahoo.com)
Safariza binti Abu Bakar (safariza@doe.gov.my)
JAS Negeri Kelantan